

Harga minyak tertinggi dalam tempoh 16 bulan

UM 9/12

SINGAPURA 6 Dis. - Harga minyak dunia mencecah paras tertinggi dalam tempoh 16 bulan semalam, susulan tindakan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) memutuskan untuk mengurangkan 1.2 juta tong minyak sehari pada minggu lalu.

Keputusan itu menyebabkan Arab Saudi mengurangkaneluarannya sebanyak 500,000 tong sehari sementara Iraq dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) mengurangkan keluaran sebanyak 210,000 dan 139,000 tong sehari.

Bagaimana penganalisis menganggap jumlah keluaran itu boleh bertambah kerana berkemungkinan setiap negara OPEC akan melanggar perjanjian yang dibuat.

Setelah mencecah paras tertingginya AS\$55 (RM242) setong semalam, harga minyak dunia hari ini kembali menurun kepada AS\$54.75 (RM241) setong bagi minyak jenis Brent semen-

tara minyak WTI kepada AS\$51.47 (RM226) setong.

Menurut pedagang komoditi itu, penyusutan semula harga minyak itu berlaku disebabkan beberapa anggota OPEC serta Rusia meningkatkan pengeluaran masing-masing.

Broker Minyak Freight Investor Services International yang berpangkalan di Dubai, Matt Stanley memberitahu, harga minyak dijangka berada pada paras AS\$50 (RM220) setong berbanding AS\$55 (RM242) kerana masih berlakunya lebihan minyak dalam pasaran.

Jumlah keluaran minyak OPEC berada pada paras tertinggi dalam sejarah kepada 34.19 juta tong sehari pada November lalu. Rusia mengeluarkan 11.21 juta tong sehari pada bulan yang sama iaitu jumlah tertinggi yang pernah direkodkan oleh negara itu sejak 30 tahun lalu. - AGENSI